

LENSA
KAMPUS

Oleh Safwan Saidi
rencana@hmetro.com.my

Seramai 58 siswa Kursus Sukarelawan Kontemporari, Fakulti Sains Sosial Guanaan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA) mencatat sejarah dalam Malaysia Book of Records (MBOR) dengan menghasilkan lukisan cat air zam zam terpanjang, baru-baru ini.

Program itu dijayakan bersama Pusat Kesenian dan Warisan UniZA bertujuan melahirkan siswa yang mempunyai nilai kesukarelawanan tinggi selain memupuk persefahaman dalam kalangan golongan terbabit.

Karnival selama tiga hari itu turut dipenuhi pelbagai aktiviti kemasyarakatan, antaranya sukan rakyat, bengkel, temu duga terbuka, klinik memamah, pemeriksaan kesihatan, forum perdana dan malam kebudayaan kesenian Islam.

LUKIS GUNA AIR ZAMZAM

58 siswa UniZA catat sejarah dalam Malaysia Book of Records hasil seni terpanjang



ANTARAT100 lukisan cat air yang dihasilkan.



PENGANUGERAHAN sijil MBOR bagi membuktikan kejayaan yang dilakar.



SISWA bertungkus-lumus menyiapkan lukisan cat air untuk melakar nama dalam MBOR.